食谱制作失败或严重焦糊。	● 没有参考配方、食材处理步骤进行。 → 请按说明书食谱操作。 ● 没有正确安装附件。 → 请正确安装附件。 ● 深锅、煎盘粘附污垢。 → 请进行清洁。



规格

电源		220 V-240 V ~ 50 Hz
额定功率		1200 W-1400 W
深锅容量 (约)	容器容量	3.5 L
	烹调容量	2.0 L
煎盘尺寸 (约)	外径	27 cm
	内径	25 cm
重量 (约)		3.1 kg
电源线长度 (约)		1.0 m
尺寸(宽×深×高)(约)		42.2 cm × 34.2 cm × 20.1 cm

中文 (简体)



- Terima kasih tidak terhingga kerana membeli produk Panasonic.
- Sila baca Arahan Pengendalian ini dengan teliti sebelum penggunaan bagi memastikan produk ini digunakan dengan betul dan selamat.
 - Sebelum menggunakan produk ini, sila baca "**Langkah-langkah Keselamatan**" dan "**Maklumat Penting**" (P. ML3-ML6).
 - Sila simpan Arahan Pengendalian ini untuk kegunaan masa hadapan.
 - Panasonic tidak bertanggungjawab atas penggunaan produk ini dengan tidak betul atau kegagalan mengikuti arahan berkaitan.

Kandungan	Halaman
Langkah-langkah Keselamatan	ML3
Maklumat Penting	ML6
Nama Bahagian dan Arahan Pengendalian	ML7
Sebelum Penggunaan	ML8
Cara Penggunaan	ML9
Resipi	ML10
Pembersihan dan Penjagaan	ML13
Penyelesaian Masalah	ML14
Spesifikasi	ML15



Langkah-langkah Keselamatan

Sila pastikan untuk mematuhi arahan-arahan ini.

Untuk mengurangkan risiko kecederaan diri, kejutan elektrik atau kebakaran, sila patuhi perkara berikut:

- Isyarat berikut menunjukkan tahap kemudaratan dan kerosakan apabila produk disalahgunakan.

	AMARAN: Menunjukkan potensi bahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.
	PERHATIAN: Menunjukkan potensi bahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan kecil atau kerosakan harta benda.

- Simbol diklasifikasi dan diterangkan seperti berikut.

	Simbol ini menunjukkan larangan.		Simbol ini menunjukkan keperluan yang mesti dipatuhi.
--	----------------------------------	--	---



AMARAN

Untuk mengelakkan risiko kejutan elektrik, kebakaran disebabkan oleh litar pintas, asap, melecur atau kecederaan.



- Jangan biarkan bayi dan kanak-kanak bermain dengan bahan pembungkusan. (Ini boleh menyebabkan kesesakan nafas.)
- Jangan menyahpasang, membaiki atau mengubah suai perkakas ini sendiri.
→ Hubungi Pusat Servis untuk pemeriksaan atau pembaikan.
- Jangan gunakan perkakas ini apabila kord kuasa atau palam kuasa rosak atau palam kuasa longgar.
→ Jika kord kuasa rosak, ini mesti digantikan oleh pengilang, agen servis atau individu berkeelayakan yang serupa untuk mengelakkan keadaan bahaya.
- Jangan rosakkan kord atau palam kuasa.
Tindakan berikut adalah amat dilarang:
Mengubah suai, menyentuh atau meletakkannya berdekatan dengan elemen pemanasan atau permukaan panas, membengkok, memutar, menarik, menggantung / menarik di atas bahagian tepi yang tajam, meletakkan objek berat di atasnya, mengikat kord kuasa atau membawa perkakas dengan memegang kord kuasa.
- Jangan pasang palam atau cabut palam kuasa menggunakan tangan yang basah.
- Jangan rendam badan utama, kord kuasa, palam kuasa dan penyambung di dalam air (apa-apa cecair) atau dedahkan item tersebut kepada percikan air dan cecair lain.
- Jangan biarkan kord kuasa tergantung di tepi meja atau kaunter dapur, atau membenarkannya bersentuhan dengan permukaan panas.
- Jangan gunakan penutup kaca yang retak atau pecah.
- Jangan letakkan apa-apa alat memasak di dalam periuk dalam semasa merendih.
- Jangan biarkan apa-apa item tersangkut antara periuk dalam/kuali leper dan periuk apabila perkakas sedang dikendalikan.
- Perkakas ini hanya boleh digunakan apabila periuk dalam atau kuali leper dipasang dengan betul.
- Jangan gunakan filem plastik, beg plastik atau kerajang logam untuk membalut dan mengeluarkan makanan secara langsung dari kuali leper, kerana ini boleh merosakkan perkakas atau mengakibatkan kebakaran.
- Permukaan perkakas ini amat panas semasa pengendalian. Diminta jangan sentuh.

Melayu

ML3



Langkah-langkah Keselamatan

Sila pastikan untuk mematuhi arahan-arahan ini.



AMARAN

Untuk mengelakkan risiko kejutan elektrik, kebakaran disebabkan oleh litar pintas, asap, melecur atau kecederaan.



- **Perkakas ini bukan bertujuan untuk digunakan oleh individu (termasuk kanak-kanak) yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental, atau kurang pengalaman dan pengetahuan, melainkan jika mereka telah diberi pengawasan atau arahan berkenaan penggunaan perkakas tersebut oleh individu yang bertanggungjawab untuk keselamatan mereka.**

Kanak-kanak perlu diawasi untuk memastikan mereka tidak bermain dengan perkakas ini.

- **Pastikan perkakas dan kord kuasa jauh daripada capaian kanak-kanak.**
- **Masukkan palam kuasa dengan kukuh.**
- **Pastikan voltan yang ditunjukkan pada label perkakas sama seperti bekalan tempatan anda.**

Elakkan juga daripada memasang palam peranti lain ke salur keluar yang sama untuk mengelakkan pemanasan lampau elektrik. Walau bagaimanapun, jika anda menyambungkan beberapa palam kuasa, pastikan jumlah watt tidak melebihi watt yang dikadarkan bagi salur keluar.

- **Bersihkan habuk palam kuasa dengan kerap.**
 - Cabut palam kuasa dan lap menggunakan kain kering.
- **Berhenti menggunakan perkakas dengan serta-merta dan cabut palam sekiranya ada kemungkinan perkakas ini tidak berfungsi dengan betul.**

Misalnya untuk kejadian tidak normal atau rosak

- Palam atau kord kuasa menjadi panas secara tidak normal.
- Kuasa perkakas gagal berfungsi.
- Badan utama berubah bentuk, terdapat kerosakan yang boleh dilihat atau menjadi panas secara tidak normal.
- Terdapat bau yang tidak menyenangkan.
- Bunyi yang luar biasa berlaku semasa penggunaan.
- Terdapat ketidaknormalan atau kegagalan fungsi yang lain.
 - Hubungi Pusat Servis untuk pemeriksaan atau pembaikan.





Langkah-langkah Keselamatan

Sila pastikan untuk mematuhi arahan-arahan ini.



PERHATIAN

Untuk mengelakkan risiko kejutan elektrik, kebakaran disebabkan oleh litar pintas, asap, terbakar atau kecederaan.



- Jangan gunakan perkakas untuk apa-apa tujuan selain yang dinyatakan dalam Arahan Pengendalian.
- Jangan gunakan perkakas berdekatan dengan dinding, perabot, atau ruang tertutup (seperti almari terbina dalam).
 - Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan perubahan warna atau bentuk.
- Jangan pindahkan perkakas dengan memegang kord kuasa.
- Jangan letakkan apa-apa di atas perkakas atau masukkan apa-apa ke dalam bahagian bawah/celah badan.
- Sejumlah besar wap akan dihasilkan semasa penggunaan perkakas dan wap akan disembur keluar dari lubang wap penutup kaca. Sila berhati-hati daripada melecur apabila menanggalkan penutup kaca.
- Jangan tinggalkan perkakas tanpa pengawasan semasa penggunaan.
- Jangan gunakan periuk dalam untuk menyimpan makanan atau cecair.
- Jangan gunakan apa-apa alat memasak dengan tepi tajam menyentuh periuk dalam/kuali leper. Ini boleh mencalarakan atau merosakkan periuk dalam/kuali leper.
- Jangan gunakan perkakas di tempat berikut.
 - Di atas permukaan yang tidak rata, permaidani, permukaan tidak kalis air, permukaan tidak kalis haba atau kawasan yang ditutup dengan alas meja.
 - Tempat yang perkakas boleh terkena percikan air atau berdekatan dengan sumber haba.
 - Berdekatan dengan mana-mana tempat air yang terbuka seperti tab mandi, sinki, atau bekas lain.
 - Letakkan perkakas di atas meja yang stabil, kering, bersih, rata dan kalis haba.
- Jangan ganti mana-mana bahagian perkakas dengan apa-apa selain bahagian yang tulen. (Penggunaan bahagian alat ganti bukan tulen boleh menyebabkan bahagian tersebut pecah dan terbang, lalu mengakibatkan kecederaan peribadi.)
- Jangan sentuh permukaan panas seperti periuk, bahagian dalam periuk, periuk dalam, kuali leper atau penutup kaca semasa perkakas sedang digunakan atau sejour selepas digunakan.
 - Untuk menghalang daripada melecur, pastikan memakai sarung tangan kalis haba suhu tinggi apabila membuka penutup kaca atau mengeluarkan periuk dalam/kuali leper. (Jangan gunakan sarung tangan kalis haba yang lembap)
- Jangan kendalikan perkakas apabila diterbalikkan atau diletakkan di bahagian sisi.
- Apabila menggunakan perkakas, jangan tutup penutup kaca atau perkakas dengan kain, kertas atau bahan mudah terbakar yang lain.
- Apabila digunakan, jangan keluarkan periuk dalam/kuali leper atau cabut palam kuasa dari soket.
- Jangan rebus dengan paras cecair melebihi garis skala maksimum periuk dalam. Memasukkan terlalu sedikit atau terlalu banyak air boleh mengakibatkan kerosakan atau bahaya. Jika terlalu banyak air dimasukkan, air yang mendidih boleh terpancut keluar. (P. ML15 "Spesifikasi")
- Perkakas ini tidak boleh dikendalikan dengan menggunakan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh bebas.

Melayu

ML5



PERHATIAN

Untuk mengelakkan risiko kejutan elektrik, kebakaran disebabkan oleh litar pintas, asap, terbakar atau kecederaan.



- Apabila perkakas tidak digunakan, pastikan anda mematikan suis kuasa dan cabut palam kuasa dari soket sebelum memindahkan dan membersihkan perkakas tersebut.
- Pastikan memegang palam kuasa apabila mencabut palam tersebut. Jangan sesekali menarik kord kuasa.
- Berhati-hati supaya tidak tersandung atau terbelit dengan kord kuasa semasa digunakan.
- Permukaan elemen pemanasan akan menghasilkan sisa haba selepas penggunaan. Sila pastikan perkakas disejukkan sebelum memindahkan, membersihkan dan menyimpan perkakas tersebut. Semasa penggunaan dan suhu sedang menyejuk, pastikan perkakas ini jauh daripada kanak-kanak.
- Apabila merendidih, pastikan periuk dalam diletakkan di dalam periuk dan ditutup dengan penutup kaca.
- Penutup kaca untuk perkakas mudah pecah dan tidak dilindungi oleh waranti. Sila gunakan dengan cermat.
- Pastikan anda membersihkan perkakas selepas penggunaan, terutamanya permukaan yang bersentuhan dengan makanan. (P. ML13 "Pembersihan dan Penjagaan")
- Jika skru penutup kaca longgar, ketatkan dengan alat yang sepadan.
- Untuk mengelakkan bahaya tetapan semula palsu pemutus litar haba, perkakas tidak boleh dikuasakan oleh peranti pensuisan luaran (seperti pemasa) atau disambungkan ke litar yang secara rutin diubah oleh komponen tujuan umum.
- Produk ini bertujuan untuk kegunaan isi rumah sahaja.

Maklumat Penting

- Jangan gunakan perkakas di luar rumah.
- Jangan gunakan perkakas untuk tujuan komersial.
- Jangan jatuhkan perkakas atau lekapan untuk mengelakkan daripada merosakkannya.
- Jangan gulung kord kuasa di sekeliling badan utama.
- Pastikan bahagian atau lekapan diletakkan dengan kukuh sebelum penggunaan.
- Jika perkakas ini tidak digunakan untuk masa yang lama, sila letakkan di tempat yang kering dan mempunyai pengalihudaraan untuk mencegah kelembapan dan kulupuk.
- Jangan gunakan perkakas ini untuk menyimpan makanan atau apa-apa item bagi masa yang lama.




Simbol ini menunjukkan: Permukaan perkakas panas, oleh itu sila berhati-hati apabila menyentuhnya.




Nama Bahagian dan Arahan Pengendalian

Nama Bahagian



Panel Kawalan



Pemegang

- Untuk menetapkan tahap suhu

Pilihan tahap suhu

- Simpan Hangat: Pemanasan makanan
- Rendah: Merebus dengan perlahan
- Sederhana Merendih, merebus, menumis dan membakar
- Tinggi: Menggoreng, memanggang, mendidih dengan segera dan mendidih

Lampu penunjuk

- Apabila perkakas berfungsi, lampu penunjuk menyala.

* Oleh sebab perkakas ini dilengkapi dengan fungsi perlindungan terlalu panas, lampu penunjuk akan berkelip semasa operasi. Ini adalah perkara normal.

ML7



Sebelum Penggunaan

Keluarkan semua bungkus sebelum penggunaan. Jika ini kali pertama digunakan atau telah lama tidak digunakan, sila bersihkan terlebih dahulu.

1. Sila bersihkan semua aksesori. (P. ML13 "Pembersihan dan Penjagaan")
2. Nyahpasang perkakas dan letakkan di atas meja yang stabil dan lap permukaan periuk, periuk dalam, kualiti leper dan penutup kaca dengan kain lembut yang basah.
3. Anda disyorkan untuk menyalut kualiti leper dengan lapisan minyak masak sebelum prapemanasan. Apabila menggunakan periuk dalam untuk kali pertama, masukkan air sebelum pemanasan, yang membantu melindungi salutan tidak melekat.
4. Sebelum penggunaan, sila bersihkan kesan kotoran, perubahan warna dan sebagainya dengan teliti dari bahagian bawah periuk dan plat pemanas. Sila periksa sama ada permukaan periuk dalam dan kualiti leper bersih dan bebas daripada habuk dan sisa makanan. Jika begitu, sila bersihkan perkakas sebelum penggunaan.

Petua



- Bau yang tidak menyenangkan mungkin dilepaskan semasa penggunaan awal, yang merupakan perkara biasa.
- Periuk boleh menjadi panas semasa pengendalian, menyebabkan kesan kotoran, perubahan warna atau tanda di atas meja. Anda disyorkan untuk meletakkan pelapik bukan plastik antara periuk dan meja.
- Untuk mengelakkan kerosakan kepada perkakas, jangan sesekali merendam periuk di dalam air bagi tujuan pembersihan.
- Selepas penggunaan, periuk dalam/kualiti leper/plat pemanas masih lagi sangat panas dan memerlukan tempoh masa untuk menyejuk bagi mengelakkan daripada melecur.

Cara Penggunaan

1 Periuk dalam

Letakkan periuk di atas meja yang stabil, letakkan periuk dalam yang disapu di atas plat pemanas periuk, tambah jumlah sukatan air yang sesuai, dan kemudian tutup dengan penutup kaca.


- Pemanasan kering tanpa air adalah dilarang, untuk mengelakkan kerosakan elemen pemanasan elektrik.
- Makanan di dalam periuk tidak boleh diisi secara berlebihan dan cecair tidak boleh melebihi garis skala maksimum periuk dalam, supaya dapat mengelakkan daripada kerosakan atau melecür yang disebabkan oleh limpahan apabila mendidih.



Kuali leper

Letakkan periuk di atas meja yang stabil dan letakkan kuali leper yang dilap di atas plat pemanas periuk. (Sarung tangan kalis haba disyorkan untuk menghalang daripada melecur. Sarung tangan tidak disediakan.)

- ## 2
- Sambungkan palam kuasa, togol tuil pemegang kepada tahap suhu yang sesuai dan lampu penunjuk dihidupkan. (4 tahap suhu "Simpan Hangat, Rendah, Sederhana dan Tinggi" boleh ditetapkan.)



Lampu penunjuk menyala.

Melayu

3

Periuk dalam


Pada masa ini, periuk panas elektrik dengan gril sedang dipanaskan. Setelah air mendidih, anda boleh memasukkan makanan. (Serba guna: Periuk panas, memasak sup, memasak bubur dan sebagainya)

Kuali leper

Anda disyorkan untuk menyalut kuali leper dengan lapisan minyak masak sebelum prapemanasan. Semasa proses pemanasan kuali leper, apabila anda nampak wap naik, anda boleh memasukkan makanan untuk menggril. (Jangan letakkan penutup kaca di atas kuali leper.)

- Semasa penggunaan, sebaiknya jangan gerakkan perkakas untuk mengelakkan daripada melecur. Jika terpaksa menggerakannya, anda disyorkan untuk mematikan bekalan kuasa, cabut palam kuasa dan gunakan sarung tangan kalis haba dan pelapik periuk.
- Sila gunakan spatula plastik atau kayu kalis haba untuk mengacau makanan semasa memasak.
- Jangan gunakan perkakas logam untuk mengelakkan daripada merosakkan salutan tidak melekat.

- ## 4
- Apabila makanan sudah dimasak, pusingkan tuil pemegang kepada "Matikan", cabut palam kuasa dan bersihkan periuk dalam/kuali leper selepas menyejuk.



ML9

Resipi

Periuk panas



Cara Buat

- 1 Basuh kubis cina, salad dan cendawan, dan kemudian potong mengikut saiz yang sesuai.
- 2 Tetapkan kepada tahap suhu "Tinggi" untuk mendidihkan bahan asas sup dengan air.
- 3 Selepas mendidih, masukkan sayur-sayuran, cendawan, bahan-bahan periuk panas dan hirisan daging. Setelah dimasak, makanan sedia untuk dihidangkan.

Bahan:

Periuk dalam

Bahan asas sup periuk panas + air 1500 mL
Hirisan daging200 g
Bebola daging100 g
Kubis Cina200 g
Salad.....200 g
Cendawan200 g
Jumlah bahan-bahan periuk panas yang sesuai

Petua

- Berikan perhatian kepada jumlah sukatan air di dalam periuk untuk mengelakkan pemanasan kering atau limpahan.
- Sila laraskan tahap suhu mengikut situasi sebenar.
- Bahan-bahan boleh disesuaikan mengikut keutamaan peribadi.

Mi goreng



Cara Buat

- 1 Basuh cendawan shiitake dan rendam di dalam air sehingga lembut, keluarkan dan potong kecil-kecil. (Simpan air cendawan shiitake)
- 2 Kisar bawang putih. Potong kubis mengikut saiz yang sesuai. Cincang bawang dan lobak merah.
- 3 Perap daging yang dicincang dengan kicap dan serbuk lada selama 20 minit.
- 4 Tetapkan kepada tahap suhu "Tinggi" untuk prapemanasan. Tuangkan jumlah sukatan minyak yang sesuai, masukkan bawang putih yang dikisar dan turunkan sehingga wangi. Selepas menumis sehingga wangi, masukkan perap daging yang dicincang dan kemudian masukkan kubis, lobak merah dan cendawan shiitake yang dicincang. Goreng kilas sehingga sayur-sayuran menjadi lembut.
- 5 Masukkan mi kuning dan teruskan menggoreng kilas. Masukkan kicap, sos tiram dan garam. Bergantung pada jumlah sukatan mi yang telah menyerap sos, masukkan jumlah sukatan air cendawan shiitake yang sesuai.
- 6 Setelah sos menjadi pekat, makanan sedia untuk dihidangkan.

Bahan:

Kuali leper

Bawang..... 60 g
Bawang putih (dikisar)2 ulas
Kubis..... 150 g
Lobak merah..... 10 g
Cendawan Shiitake.....40 g
Daging yang dicincang 60 g
Mi Kuning.....200 g
Kicap..... 20 g
Sos tiram 20 g
Jumlah sukatan garam yang sesuai
Jumlah sukatan minyak yang sesuai
Jumlah sukatan serbuk lada yang sesuai

Petua

- Sila laraskan tahap suhu mengikut situasi sebenar.
- Bahan-bahan boleh disesuaikan mengikut keutamaan peribadi.

Resipi

Okonomiyaki



Cara Buat

- 1 Cincang kumis dan lobak merah.
- 2 Selepas mencampurkan tepung okonomiyaki (serbuk pracampuran) dengan telur dan air, masukkan kumis dan lobak merah yang dicincang dan kacau sehingga sebati dengan air.
- 3 Tetapkan kepada tahap suhu "Sederhana" untuk prapemanasan. Tuangkan minyak dalam jumlah yang sesuai, masukkan campuran pes dalam langkah kedua ke dalam periuk, goreng sehingga bahagian bawah menjadi keemasan dan rangup, dan kemudian taburkan daging yang dihiris di atas gorengan sebelum membalikkannya.
- 4 Tetapkan kepada tahap suhu "Tinggi" dan goreng celur sehingga bahagian bawah menjadi keemasan dan rangup.
- 5 Selepas dikeluarkan dari periuk, mula-mula tuangkan sedikit sos okonomiyaki, kemudian membubuh mayonis di atasnya dan akhir sekali taburkan serbuk rumpai laut dan emping bonito di tengah-tengah.

Bahan:

Kuali leper

Kumis..... 200 g
Lobak merah..... 20 g
Telur..... 1 biji
Air 300 mL
Hirisan daging..... 100 g
Tepung Okonomiyaki
(serbuk pracampuran) 100 g
Jumlah sukatan sos Okonomiyaki yang sesuai
Jumlah sukatan mayones yang sesuai
Jumlah sukatan serbuk rumpai laut yang sesuai
Jumlah sukatan emping bonito yang sesuai
Jumlah sukatan minyak yang sesuai

Petua

- Sila laraskan tahap suhu mengikut situasi sebenar.
- Bahan-bahan boleh disesuaikan mengikut keutamaan peribadi.

Melayu

Kepak ayam goreng



Cara Buat

- 1 Kisar bawang putih, masukkan kepak ayam, kicap, wain beras, gula pasir putih dan lada hitam, dan perap selama 2 jam.
- 2 Tepuk sos di atas permukaan kepak ayam dan kemudian letakkan di dalam peti sejuk untuk membiarkan permukaan itu kering.
- 3 Tetapkan kepada tahap suhu "Tinggi" untuk prapemanasan. Tuangkan jumlah minyak yang sesuai, letakkan kepak ayam di dalam periuk dan masak sehingga warna keperangan, kemudian balikkan. Ubah kepada tahap suhu "Sederhana" dan teruskan memasak sehingga warna keperangan dan tiada darah yang masih tertinggal di dalam daging.

Bahan:

Kuali leper

Kepak ayam (kepak V) 8 ketul
Jumlah sukatan bijian lada hitam yang sesuai
Kicap..... 80 g
Gula pasir putih 12 g
Bawang putih (dikisar) 3 ulas
Wain beras 60 g
Jumlah sukatan minyak yang sesuai

Petua

- Sila laraskan tahap suhu mengikut situasi sebenar.
- Bahan-bahan boleh disesuaikan mengikut keutamaan peribadi.

ML11

Resipi

Budae Jjigae (Stew Askar Korea)



Cara Buat

- 1 Basuh bahan-bahan dan kemudian potong mengikut saiz yang sesuai, potong tauhu menjadi blok setebal 1.5 cm dan kimchi menjadi blok bersaiz gigitan, dan kemudian campurkan sos dengan sekata di dalam mangkuk kecil.
- 2 Masukkan bahan-bahan kecuali ramen, kek beras, daun bawang dan keju ke dalam periuk dalam. Masukkan sos di tengah-tengah periuk dalam dan kemudian tuangkan air rebusan ayam di sepanjang tepi periuk dalam. Tutup periuk dengan penutup kaca dan tetapkan kepada tahap suhu "Tinggi" untuk mereneh bahan asas sup.
- 3 Tetapkan kepada tahap suhu "Rendah", masukkan bahan-bahan yang selebihnya dan tutup dengan penutup kaca. Setelah dimasak, makanan sedia untuk dihidangkan.

Bahan:

Periuk dalam

Air rebusan ayam	1000 mL
Daging luncheon (dihiris nipis)	200 g
Sosej (dihiris menyerong).....	150 g
Tauhu.....	250 g
Cendawan	400 g
Kimchi.....	150 g
Ramen Korea	110 g
Kek beras Korea untuk sup	50 g
Daun bawang (dihiris menyerong dan nipis)	30 g
Keju	1-2 keping

Sos (kacau sehingga sebati di dalam mangkuk kecil):


Serbuk cili Korea	30 g
Wain beras	30 mL
Kicap.....	15 mL
Bawang putih dikisar	15 mL
Gula pasir putih	7.5 g
Sos pedas Korea	7.5 g
Serbuk lada hitam secubit	

Petua

- Berikan perhatian kepada jumlah sukatan air di dalam periuk untuk mengelakkan pemanasan kering atau limpahan.
- Sila laraskan tahap suhu mengikut situasi sebenar.
- Bahan-bahan boleh disesuaikan mengikut keutamaan peribadi.

Pembersihan dan Penjagaan

- Sebelum membersihkan, sila cabut palam kuasa dan pastikan perkakas disejukkan sepenuhnya.
- Selepas setiap penggunaan, bersihkan bahagian dengan teliti dan pastikan semua komponen bersih dan kering.
- Jangan gunakan pisau atau alatan tajam lain untuk pembersihan.
- Jangan rendam periuk di dalam air atau apa-apa cecair.
- Jangan gunakan pelarut meruap, pencair, peluntur, alkohol, span bermuka nilon, berus logam atau serbuk penggilap untuk mengelakkan daripada merosakkan salutan tidak melekat.
- Sebelum membersihkan periuk, pastikan anda mengeluarkan periuk dalam, kualiti leper dan penutup kaca dari periuk.
- Periuk dalam, kualiti leper dan penutup kaca boleh dikeluarkan secara berasingan untuk pembersihan.



Periuk/Dasar

Sila bersihkan permukaan dan dasar periuk dengan kain lembap lembut yang diperah dan keringkan dengan kain lembut.


* Jangan basuh dengan air.
(Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan malfungsi.)

Melayu



Plat pemanas

Bersihkan dengan kain lembap yang diperah sepenuhnya dan semburkan sedikit dengan pembersih pelbagai guna yang lembut. Pastikan plat pemanas kekal kering pada setiap masa.



Penutup kaca/Kualiti leper/ Periuk dalam

Sila basuh dengan bahan pencuci pinggan mangkuk yang dicairkan (neutral) dan span lembut, dan kemudian bilas dengan air dan keringkan.

Penyelesaian Masalah

Sila semak item berikut sebelum menghubungi perkhidmatan pelanggan atau mengatur penyelenggaraan.

Masalah	Sebab dan Tindakan
Perkakas tidak boleh digunakan.	● Palam kuasa tidak dimasukkan sepenuhnya. → Masukkan palam kuasa sepenuhnya ke dalam soket kuasa. ● Malfungsi berlaku. → Sila semak dengan pengedar pembelian anda atau Pusat Servis Panasonic.
Apabila digunakan, permukaan periuk menjadi panas.	● Suhu elemen pemanasan adalah tinggi, disebabkan oleh pemindahan haba ke permukaan periuk dan ini bukan kecacatan kualiti leper. → Ini isu bukan produk dan tidak menjejaskan pengendalian biasa.
Bahan-bahan menggril atau menggoreng mungkin tidak dimasak dengan baik.	● Suhu prapemanasan tidak mencukupi. → Sila prapanas kualiti leper sebelum memasak.
Ini mengambil masa yang lama untuk air mendidih atau tidak mendidih sama sekali.	● Penutup kaca tidak ditutup. → Menutup dengan penutup kaca boleh mempercepat pengumpulan haba. ● Memasukkan jumlah makanan yang banyak pada satu masa akan menurunkan suhu. → Sila masukkan bahan-bahan sedikit demi sedikit dan mengikut aturan yang betul. ● Apabila plat pemanas kotor, ini akan menjejaskan pemanasan periuk dalam. → Sila bersihkannya.
Pelaksanaan resipi gagal dan makanan hangus teruk.	● Langkah pemprosesan resipi atau bahan-bahan tidak diikuti. → Sila ikuti resipi dalam Arahan Pengendalian. ● Aksesori tidak dipasang dengan betul. → Sila pasang aksesori dengan betul. ● Periuk dalam dan kualiti leper dicemari dengan kotoran. → Sila bersihkan kedua-duanya.

Spesifikasi

Bekalan kuasa		220 V-240 V ~ 50 Hz
Penggunaan kuasa		1200 W-1400 W
Kapasiti periuk dalam (anggaran)	Kapasiti bekas	3.5 L
	Kapasiti memasak	2.0 L
Saiz kualiti leper (anggaran)	Diameter luar	27 cm
	Diameter dalaman	25 cm
Berat (anggaran)		3.1 kg
Panjang kord kuasa (anggaran)		1.0 m
Dimensi (L×D×T) (anggaran)		42.2 cm × 34.2 cm × 20.1 cm



Panasonic Manufacturing (Xiamen) Co., Ltd.

<https://www.panasonic.com>

© Panasonic Manufacturing (Xiamen) Co., Ltd. 2025

Printed in China

BZ21M222
DL1225S0

SK

